

# Takut kepada Allah dalam tasawuf

**S**EBAGAIMANA tercatat sebelum ini dalam bab *al-Mahabbah*, pengalaman **Abu Nasr al-Sarraj al-Tusi** yang tercatat dalam *al-Luma'*, menjelaskan bahawa penghayatan *al-Qurb* (kedekatan) selalunya boleh membawa kepada kurniaan *al-Mahabbah* dan *al-Khawf* (takut).

Menurut al-Sarraj, dalam konteks takut, ia terkandung dalam diri seseorang salik (seorang yang berada dalam perjalanan kerohanian) disebabkan dia melihat betapa Allah begitu dekat dengannya, lalu terbuka kepadanya pelbagai rahsia keghaiban.

Apabila berada dalam suasana kedekatan dengan Allah, hati seseorang salik melalui mata hatinya mampu melihat Kebesaran, Keagungan, Kehebatan dan Kekuasaan Allah, hal sedemikian menyebabkan salik berkenaan mengalami takut, di samping dia juga berasa malu dan gementar.

Sebahagian tokoh sufi lain menjelaskan pengalaman mereka tentang takut iaitu natijah daripada pengalaman *makrifah bi Allah* (mengenali Allah dari aspek Zat dan Sifat-Nya) dan memiliki ilmu tentang-Nya. Justeru, kumpulan tokoh sufi ini menjelaskan bahawa setiap kali bertambahnya ilmu seseorang salik tentang Allah, maka akan bertambah pula rasa takut terhadap Allah.

## PENGERTIAN TAKUT

Untuk memahami inti sari makna yang terkandung dalam istilah takut dalam kalangan sufi, dicatatkan sejumlah pandangan dan pengalaman mereka dalam perkara ini:

**1** *Al-Qushayri* dalam *al-Risalah al-Qushayriyyah* menjelaskan bahawa takut membawa makna yang berkaitan dengan masa hadapan. Ini kerana perkara yang ditakuti itu ialah sama ada akan berlaku ke atas diri seseorang salik perkara yang tidak diinginkannya atau tidak diperoleh perkara yang dikehendakinya.

Semua ini merujuk kepada masa akan datang, bukannya perkara yang telah berlaku. Apabila takut dikaitkan

## Bicara Tasawuf

Oleh **PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA**  
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



dengan Allah, maka ketakutan itu merujuk kepada hukuman atau seksaan-Nya yang akan berlaku sama ada di dunia atau akhirat.

**2** Abu 'Ali al-Daqqaq, iaitu guru kepada al-Qushayri menjelaskan bahawa takut mempunyai beberapa tahap, iaitu takut itu sendiri, *al-Khashiyah* (takut) dan *al-Haybah* (gentar).

● Takut adalah sebahagian syarat keimanan dan kriterianya sebagaimana terungkap dalam firman Allah (maksudnya) "... tetapi takutlah kepada-Ku (jangan cuaikan perintah-Ku) jika betul kamu orang yang beriman," (Ali 'Imran, 3:175).

● *Al-Khashiyah* merupakan sebahagian syarat untuk memperoleh ilmu, seperti firman Allah (maksudnya): "... sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah daripada kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu..." (Fatir, 35:28).

● *Al-Haybah* sebahagian daripada syarat *al-Makrifah*, sebagaimana firman Allah (maksudnya): "... dan Allah memerintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyiksa kamu)..." (Ali 'Imran, 3:30).

**3** Tokoh sufi, **Bishr al-Hafi** menjelaskan bahawa takut kepada Allah adalah diumpamakan seperti raja yang hanya bersemayam dalam hati orang bertakwa.

**4** **Ruwaim** sebagaimana dicatat oleh al-Kallabadhi dalam kitab *al-Ta'aruf li Madhhab Ahl al-Tasawwuf*, menjelaskan, orang yang takut itu hanya takut kepada Allah sahaja, tidak kepada selain-Nya.

● Ini bermakna takutnya itu adalah kerana mengagungkan Allah dan takut kepada balasan seksaan daripada-Nya.



MAKSUD *al-Khawf* atau takut dalam golongan sufi ialah kerana mengagungkan Allah dan takutkan balasan seksaan daripada-Nya. - GAMBAR HIASAN

## 66

*Al-Qushayri* dalam *al-Risalah al-Qushayriyyah* menjelaskan bahawa takut membawa makna yang berkaitan dengan masa hadapan.

**5** Tokoh sufi, **Dhu al-Nun**, sebagaimana dicatat oleh al-Qushayri dalam kitabnya mengatakan bahawa kalangan manusia akan tetap berada pada jalan yang lurus dan benar, selama mana mereka terus menghayati sifat takut dan apabila sifat tersebut hilang daripada diri mereka, maka mereka akan tersesat daripada jalan yang lurus.

**6** **Hatim al-Asam** berkata, setiap sesuatu ada perhiasannya. Perhiasan ibadah ialah sifat takut dan tandanya adalah pendeknya cita-cita terhadap kesenangan dunia yang melalaikan.

**7** **Ibrahim Ibn Shayban** berkata, apabila takut bertakhta di dalam hati, maka ia akan membakar tempat-tempat bersemayam nafsu syahwat dan mengusir sifat keghairahan terhadap dunia.

Catatan-catatan daripada pengalaman golongan sufi di atas dapat menggambarkan dengan jelas inti sari makna

yang terkandung tentang takut. Ia sesuatu yang berkait dengan masa akan datang dan merupakan satu suasana hati yang akan menguasai pemilikinya untuk terus mendekati Allah, bukannya lari daripada Allah, bersifat positif dalam hidup dan tidak tertarik atau terperangkap dengan godaan serta perhiasan dunia yang bersifat sementara lagi melalaikan.

## JENIS AL-KHAWF

Takut adalah sifat dan perhiasan orang beriman, bertakwa serta kuat beribadat kepada Allah yang terbahagi kepada tiga jenis

**1** **Golongan awam.** Iaitu sebagaimana terungkap dalam firman Allah (maksudnya): "... mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan," (al-Nur, 24:37).

● Mereka takutkan kemurkaan dan seksaan Allah. Hati mereka menjadi gelisah dan bergoncang kerana mereka mengetahui betapa hebatnya kuasa Allah yang mereka sembah.

**2** **Golongan pertengahan.** Iaitu sebagaimana terungkap dalam firman Allah (maksudnya): "Dan orang yang takut akan keadaan berdirinya di mahkamah Tuhannya (untuk dihisab), disediakan baginya dua

syurga," (al-Rahman, 55:46).

● Bagi golongan ini, takut mereka tertumpu kepada rasa takut terputusnya hubungan dengan Allah dan menjadi keruhnya kejernihan makrifah yang mereka miliki dan hayati.

**3** **Golongan khusus.** Iaitu sebagaimana terungkap dalam firman Allah (maksudnya): "... tetapi takutlah kepada-Ku (jangan cuaikan perintah-Ku) jika betul kamu orang yang beriman," (Ali 'Imran, 3:17).

● Bagi golongan ini, takut mereka adalah bagaikan apa yang dijelaskan oleh tokoh sufi **Sahl b. 'Abd Allah** bahawa sekiranya seluruh penghuni planet bumi ini diberikan sebesar zarah daripada rasa takut golongan ini, maka mereka seluruhnya akan beroleh kebahagiaan.

Lalu ditanya kepada **Sahl**: "Sebesar manakah rasa takut yang dimiliki golongan khusus ini?" Beliau menjawab: "Sebesar gunung."

Demikianlah pembahagian elemen takut seperti yang digambarkan oleh al-Sarraj dalam kitab beliau *al-Luma'*. Dan secara keseluruhannya adalah jelas bahawa penghayatan takut muncul dalam diri seseorang salik natijah daripada penghayatan hubungan seorang hamba dengan Allah secara berterusan.